



PROFIL

Mohamad Syafiq Ali
 Umur: 23 tahun
 Pengajian: Ijazah Komputer Sains (Grafik & Teknologi Multimedia)
 Pembabitan dalam aktiviti kokurikulum:
 2015
 • YDP MPP UMP
 • Program Mobiliti Pelajar UMP
 di Amik Tunas Bangsa, Indonesia
 • Misi kemanusiaan PEKA 2 di Kemboja
 • Sukarelawan Misi Banjir di Pekan, Pahang

Mohamad Syafiq

cetus gerakan sukarelawan

Oleh Rosniza Mohd Taha
 yoniza@bh.com.my

► Gambang

Penubuhan gerakan sukarelawan universiti antara agenda ingin dijayakan Mohamad Syafiq Ali selaku Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Pahang (UMP) baharu.

Katanya, inisiatif itu mampu menggalakkan penyertaan aktif pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan serta memanfaatkan masa dengan optimum bagi mengasah potensi dan kemahiran mereka.

Beliau berkata, gerakan sukarelawan UMP itu akan menumpukan kepada kawasan setempat pada pe-

ringkat awal dan akan memperluas operasi hingga ke peringkat antarabangsa apabila semakin kukuh kelak.

“Sebelum ini, kegiatan sukarelawan bernaung di bawah pertubuhan tertentu seperti Yayasan Sukarelawan Siswa dan 1Malaysia For Youth (1M4U). Kini, kami mahu menubuhkan jenama sendiri gerakan sukarelawan universiti.

Bilik gerakan

“UMP sudah mempunyai pasukan sukarelawan yang antara lain mempunyai pengalaman dalam pengurusan bencana banjir termasuk mempunyai bilik gerakan sendiri. Dengan adanya gerakan sukarelawan universiti secara rasmi, perancangan boleh dilaksana dengan lebih tersusun termasuk pengurusan kursus dan latihan berkaitan,” katanya ketika

ditemui di sini, baru-baru ini.

Mohamad Syafiq berkata, beliau menimba pengalaman dan kemahiran memimpin juga bermula dengan pembabitan dalam aktiviti kemasyarakatan, kelab dan persatuan.

Antara lain, beliau menjadi sukarelawan misi bantuan banjir di Pekan, Pahang, menyertai program mobiliti dan kemanusiaan UMP ke Kemboja dan Indonesia serta menjadi Ketua Fasilitator Minggu Induksi Siswa UMP.

Pendedahan dan pengalaman ditimba menerusi pembabitan dalam pelbagai aktiviti itu meningkatkan kredibilitinya hingga mendapat undian majoriti bagi menyanggah jawatan YDP MPP.

Mandat besar

“Tanggungjawab sebagai YDP lebih besar kerana memerlukan saya menjawab pelbagai

persoalan isu semasa, kebajikan pelajar serta penyediaan kertas kerja.

“Selain peluang menabur bakti, pendedahan diterima menerusi mandat lebih besar ini bakal memberi pengalaman bermakna yang akan memberi kelebihan apabila membina kerjaya kelak,” katanya.

Di bawah teraju Mohamad Syafiq, tiga jawatan setiausaha diwujudkan iaitu setiausaha agung serta dua setiausaha kerja sebagai wakil ahli majlis tertinggi MPP di kampus Gambang dan Pekan.

Katanya, antara program utama dirancang adalah penganjuran Simposium Pembangunan Mahasiswa pada bulan depan bagi membincangkan isu semasa berkaitan pelajar.